

## BAB 2

### Tinjauan Kajian dan Penulisan Lalu

Banyak kajian yang dikaitkan dengan masalah pertuturan, dialek, dan penggunaan BM baku telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Oleh sebab kajian ini berkisar tentang SBBM, maka pengkaji akan meninjau kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tersebut.

Musa Ahmad (1988) dalam kajiannya memetik pandangan Teuku Iskandar (1970) yang menyatakan bahawa sebutan baku merupakan aspek penting dalam aktiviti lisan. Implikasi bagi sebutan yang jelas, betul dan tepat oleh penutur, akan menjelaskan makna atau maksud dan pendengar pula memahami apa yang dimaksudkannya. Sekiranya penyebutan tidak jelas, betul dan tepat, menyebabkan pendengar tidak faham dan maksud yang sebenarnya akan disalahtafsirkan oleh pendengar.

Menurutnya lagi, ketidaktepatan menggunakan sebutan baku dalam pengajaran dan pembelajaran boleh mengelirukan pemahaman seseorang. Contohnya jika seorang pelajar Cina memberikan ayat seperti yang berikut :

Orang itu sudah lari. (ayat BMB)  
Olang itu sudah lali. (ayat pelajar Cina)

Ayat pertama bermaksud orang itu meninggalkan tempat tanpa kebenaran. Ayat kedua bermaksud orang itu tidak merasa apa-apa pada kulit atau hilang perasaan. Berdasarkan kepada ayat kedua, maksud ayat pertama telah berubah maksudnya kerana dituturkan secara yang tidak betul dan jelas. Keadaan ini akan mengelirukan pendengar khususnya bagi pendengar yang baru mempelajari BM.

Berdasarkan perlunya penyebutan BM yang betul, beberapa kajian tentang penyebutan pelajar-pelajar penutur jati (Melayu) dan bukan Melayu pernah dilakukan oleh beberapa orang tokoh bahasa. Antara kajian awal yang menyentuh tentang penggunaan BM lisan ialah kajian yang telah dilakukan oleh Juriah Long dan Zainal Abidin Ahmad (1965) yang ingin melihat keberkesanan penggunaan BM lisan di peringkat sekolah menengah rendah. Kajian telah mereka lakukan terhadap guru-guru dan pelajar-pelajar keturunan Melayu, Cina , dan India.

Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar Melayu menghadapi lebih banyak masalah penyebutan BM berbanding dengan pelajar Cina dan India. Satu punca masalah yang jelas ialah pelajar Melayu sangat dipengaruhi oleh dialek masing-masing atau bahasa pasar ketika berkomunikasi dalam bilik darjah.

Arbak Othman (1974) mengakui bahawa pelajar-pelajar Cina menghadapi beberapa masalah dalam penyebutan perkataan-perkataan BM. Dalam kajian yang beliau lakukan, terdapat tiga kesalahan sebutan BM yang sering mereka lakukan iaitu menggantikan, pelenyapan, dan penambahan.

Pelajar Cina sering melakukan penggantian konsonan tertentu BM dengan konsonan yang lain iaitu menggantikan fonem /r/ kepada /l/, /d/ kepada /t/, /ny/ kepada /ni/ dan /z/ kepada /k/. Penggantian ini mereka lakukan kerana dalam bahasa ibunda mereka tiada fonem konsonan /r/ , /d/, dan /ny/ sementara konsonan /z/ pula kerana mereka terpengaruh dengan sistem ejaan umpamanya perkataan /poko<sup>z</sup>/ dinyatakan sebagai /pokok/.

Pelenyapan berlaku apabila pelajar Cina melenyapkan bunyi yang sukar disebut iaitu bunyi [z] dan [h] di akhir kata. Contoh perkataan :

[cante<sup>2</sup>] menjadi [cante]  
 [tənah] menjadi [təna]

Pelajar-pelajar Cina akan menambah satu bunyi lain di samping /ng/ bagi sesuatu perkataan jika sukar disebut. Contoh :

[buŋa] menjadi [buŋga]

Sulaiman Masri (1974) yang mengkaji tentang pembelajaran BM di kalangan pelajar-pelajar Cina mendapati masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut berkait rapat dengan gangguan bahasa atau "language disturbances" akibat daripada dua bahasa atau dialek berkontras dalam situasi tertentu dan perbezaan tema linguistik antara bahasa pelajar dengan bahasa guru seperti fonologi iaitu kesukaran menyebut fonem /r/ dan fonem /b/ kerana bunyi tersebut tidak wujud dalam bahasa mereka.

Koh Boh Boon (1981) telah membandingkan fonologi BM dengan bahasa Cina. Hasil daripada perbandingan tersebut beliau mendapati beberapa bunyi atau fonem tertentu BM tidak terdapat dalam bahasa Cina. Hal yang demikian menimbulkan kesulitan bagi pelajar-pelajar Cina menyebut fonem-fonem /d/, /r/, /ng/ dan /ny/ dengan betul. Akibat kesukaran tersebut, pelajar-pelajar tersebut akan menukar bunyi atau fonem-fonem tersebut :

/d/ menjadi /l/  
 /r/ menjadi /l/  
 /ng/ menjadi /g/  
 /ny/ menjadi /y/

Ketika mendalamidi pengukuran yang sesuai untuk menguji aspek lisan, Azman Wan Chik (1982) telah juga menyentuh tentang permasalahan sebutan baku. Dalam kajian tersebut, beliau telah menjalankan ujian terhadap pelajar-pelajar untuk

meninjau sama ada para pelajar dapat atau tidak membezakan bunyi sebutan BMB dan sebutan BM bukan baku.

Dapatan beliau menunjukkan bahawa hanya sejumlah 45% pelajar dapat membezakan sebutan baku dengan sebutan yang tidak baku. Kajian tersebut menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar menghadapi masalah penyebutan. Masalah ketara yang pelajar hadapi ialah penyebutan mereka dipengaruhi oleh dialek.

Satu lagi kajian tentang pengaruh dialek dalam pemelajaran BM telah dijalankan terhadap 828 orang pelajar Melayu oleh Farid M.Onn dan Ajid Che Kob (1981). Dapatan mereka menunjukkan bahawa sejumlah 99.15% pelajar menggunakan dialek di luar sekolah apabila berkomunikasi dengan kawan-kawan atau jiran setempat. Dapatan juga menunjukkan bahawa sejumlah 69.20% pelajar masih menggunakan dialek ketika berhubung dengan guru yang berasal daripada daerah yang sama. Kesimpulan pengkaji-pengkaji, hal ini adalah satu sebab yang mengakibatkan kemerosotan pencapaian BM pelajar-pelajar Melayu.

Mohd. Hilmi Hj. Ismail (1982) yang menjalankan kajian pengajaran dan pemelajaran BM di sekolah rendah menyatakan bahawa BM pada hari ini bukan lagi terhad penggunaannya kepada satu kumpulan etnik sahaja (orang Melayu). BM hari ini dituturkan oleh penutur-penutur yang juga bertutur dalam bahasa lain. Namun, beliau berpendapat bahawa setiap penutur bukan Melayu sangat dipengaruhi oleh unsur bahasa ibundanya ketika mempelajari BM. Gangguan bahasa mengganggu mereka menguasai BMB sama ada dalam sebutan, bacaan, atau tatabahasa. Dapatan kajianya menunjukkan pelajar-pelajar Cina sukar untuk menyebut fonem /r/ dan /b/

dengan tepat disebabkan oleh tiada fonem tersebut dalam bahasa ibunda mereka. Dapatan ini menyokong apa yang dikemukakan oleh Koh Boh Boon (1981).

Abdullah Hassan (1987) pernah membuat kajian terhadap sekumpulan pelajar berketurunan Cina dan dapatan menunjukkan bahawa mereka menghadapi masalah ketika memilih bunyi fonem /e/ taling dan fonem /e/ pepet bagi perkataan-perkataan BM tertentu. Mereka gagal membezakan sebutan fonem /e/ yang manakah yang digunakan untuk perkataan 'sepak' (dengan kaki) dan perkataan 'sepak' (dengan tangan). Mereka juga menghadapi masalah menyebut bunyi bagi fonem /ng/ dengan tepat. Masalah tersebut lebih ketara apabila guru yang kurang mahir mengajar mereka BM. Bagi Abdullah Hassan (1987) masalah besar yang menghalang ketepatan SBBM di kalangan pelajar bukan Melayu adalah kerana jarang terjumpa orang bukan Melayu yang betul-betul mahir, fasih, dan lancar menggunakan BM melainkan mereka yang datang dari daerah yang BM itu lebih domain.

Satu lagi kajian yang menjurus kepada pengaruh dialek terhadap penyebutan BMB telah dijalankan oleh Noor Adma Yusoff (1987). Beliau mengkaji minat respondennya yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Kelantan terhadap BMB. Dapatan Adma (1987) menunjukkan bahawa respondennya kurang berminat untuk menggunakan BMB berbanding dengan dialek Melayu Kelantan. Keadaan ini berlanjut sehingga ke dalam situasi yang formal terutama apabila semua kawan yang ada bersama ketika itu berasal dari negeri Kelantan. Keadaan ini demikian kerana alasan mereka, mereka berasa bangga menggunakan dialek sendiri. Penggunaan SBBM hanya digunakan oleh mereka ketika mereka terdesak seperti dalam

pemelajaran, temuduga, menjawab pertanyaan pensyarah sama ada di dalam atau di luar kelas, dan apabila berkomunikasi dengan kawan-kawan yang bukan dari Kelantan. Adma (1987) menyimpulkan bahawa pengaruh dialek merupakan halangan bagi seseorang itu menggunakan SBBM.

Kajian yang bertumpu khusus kepada SBBM telah dilakukan oleh Noridah Zahariah (1987) di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di Perak. Daripada 30 pelajar yang menjadi subjek kajiannya, didapati sejumlah 20% pelajar menghadapi masalah kemahiran penyebutan SBBM yang kurang jelas dan kurang tepat selaras dengan SBBM yang sebenar. Sejumlah 73.3% pelajar pula mempunyai penyebutan yang jelas, tepat, dan hampir selaras dengan SBBM yang sebenar. Manakala hanya sejumlah 6.7% pelajar sahaja yang benar-benar tepat, jelas dan selaras dengan SBBM yang sebenar.

Noridah Zahariah (1987) mendapati dari segi aspek fonologi, pelajar merealisasikan bunyi sebutan vokal [a] pada akhir kata sebagai bunyi [ə] dan bagi bunyi konsonan [m] dan [n] pada akhir kata pula pelajar telah menggantikannya dengan bunyi [ŋ]. Contoh :

[məreka] menjadi [mərekə]  
 [səbəlom] menjadi [səbəlon]  
 [televiʃən] menjadi [televiʃəŋ]

Dari segi morfologi pula, dapatan Noridah Zahariah (1987) menunjukkan terdapat pelajar yang merelisasikan morfem akhiran SBBM [kan] menjadi [ken] seperti perkataan :

[mənəbabkan] menjadi [mənəbabken]

Bagi getaran alveolar [r] pada awalan [bər] dan pada akhir kata pula pelajar cenderung menggugurkannya. Misalnya :

[bərʔansur] menjadi [b əʔanso]

Berdasarkan dapatannya, penyebutan pelajar yang demikian disebabkan oleh dialek yang pelajar gunakan semasa berkomunikasi di rumah dan dalam lingkungan kawasan pengaruhnya mempengaruhi pertuturan harian mereka. SBBM hanya mereka gunakan ketika mereka berada dalam situasi formal seperti dalam kelas sahaja.

Noridah Zahariah (1987) juga mendapati bahawa pelajar yang berasal daripada kawasan luar bandar rendah penguasaan SBBM. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan kemudahan pemelajaran yang sangat kurang jika dibandingkan dengan sekolah kawasan bandar. Pelajar di kawasan bandar lebih terdedah kepada polarisasi kaum yang menyebabkan mereka tidak terikat dengan penggunaan dialek masing-masing. Mereka lebih kerap menggunakan BM untuk berkomunikasi.

Selain itu, kajian Noridah Zahariah (1987) juga mendapati bahawa sosioekonomi turut memainkan peranan penting dalam penguasaan SBBM. Bagi para pelajar yang ibu bapa mereka berpendidikan rendah didapati mengalami masalah dalam menguasai SBBM. Ibu bapa tidak dapat menjadi model kepada anak-anak berbanding dengan ibu bapa yang memiliki sosioekonomi yang tinggi.

Sebuah kajian lagi yang menyentuh tentang penggunaan BM di kalangan pelajar bukan Melayu telah dilakukan oleh Musa Ahmad (1988). Beliau telah membuat kajian tentang penyebutan BMB oleh para pelajar Cina dan India. Dapatan daripada kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam penyebutan BM bagi pelajar-pelajar Cina dan India.

Beliau mendapati pelajar-pelajar Cina sukar untuk menyebut bunyi [d] dan [r] pada awal suku kata. Kedua-dua bunyi tersebut akan berubah menjadi bunyi [l] ] Contohnya :

[dalam] menjadi [lalam]  
[berat] menjadi [bat]

Bagi pelajar-pelajar India pula menghadapi kesukaran untuk menyebut bunyi [h] yang kemudian berubah menjadi bunyi [l] ] dan [e] pepet menjadi [a]. Contohnya :

[hangus] menjadi [languis]  
[əmaɻ] menjadi [ɻamaɻ]

Menyentuh tentang penggunaan SBBM oleh pengguna yang lain di sektor pendidikan selain daripada para pelajar, dalam satu tinjauan ringkas melalui perbualan dan soal selidik kepada 42 orang kakitangan sumber tentang penggunaan SBBM, Ahmad Md. Shariff (1988) mendapati sejumlah 78.6% kakitangan sumber BM boleh menggunakan SBBM ketika menyampaikan kursus-kursus kepada guru-guru di peringkat negeri. Ini menunjukkan bahawa penggunaan SBBM mendapat tempat di kalangan orang lain khususnya yang melibatkan aktiviti pengembangan BM kerana ketika itu SBBM sedang hangat diperkatakan dan mendapat perhatian umum.

Kho Cheu Houng (1990) kajiannya mengkhususkan kepada penggunaan SBBM di kalangan pelajar sekolah menengah. Hasil daripada kajiannya yang menggunakan bahan bacaan dan pertuturan terhadap 48 orang pelajar, dapatan menunjukkan bahawa ramai pelajar yang gagal menyebut semua perkataan dengan menggunakan SBBM sama ada dari segi fonologi maupun morfologi.

Melalui kajian tersebut yang menggunakan bahan bacaan sebagai alat untuk mengesan SBBM, dari segi fonologi dapatannya jelas menunjukkan bahawa sejumlah 89.6 % pelajar gagal menyebut beberapa bunyi dan mengubahkan bunyi-bunyi tersebut menjadi bunyi yang lain tanpa mengikut ejaan yang digunakan. Contoh :

Bunyi vokal depan [a] pada suku kata akhir tidak disebut dengan betul. Sebutan [a] pada akhir suku kata akan mereka gantikan dengan bunyi [ə]. Malahan dapatan menunjukkan bahawa pelajar Melayu lebih kerap melafazkan sebutan yang demikian seperti perkataan :

[bəkərja] menjadi [bəkəjə]

Bagi bunyi-bunyi daripada kata pinjaman BI tidak disebut berdasarkan ejaan yang sepatutnya. Contoh :

Bunyi [a] telah mereka ubah menjadi [e] dan [ə], misalnya :

[radiyo] menjadi [rə.diyo]  
 [radiyo] menjadi [rə diyo]

Bunyi [e] ditukarkan menjadi bunyi [i], misalnya :

[televišen] menjadi [telivišen]

Bunyi [u] diubah menjadi bunyi [a], [yu], dan [iu], misalnya :

[?industri] menjadi [?indastri]  
 [?univərsiti] menjadi [yunivərsiti]  
 [komputər] menjadi [kompiuta]

Dapatan Kho Cheu Houng (1990) juga menunjukkan pelajar gagal menggunakan bunyi [r] berdasarkan SBBM lalu menggantikannya dengan bunyi [?] atau menggugurkan bunyi tersebut. Contoh :

[bandar] menjadi [banda?]

[bakar] menjadi [baka]  
 [bəkərja] menjadi [bəkəjə]

Satu lagi masalah yang ditemukannya ialah pelajar cenderung menggantikan bunyi [n] pada akhir suku kata kepada bunyi [ŋ], seperti pada perkataan :

[pərəmpuan] menjadi [pərəmpuaŋ]

Dalam aspek morfologi dapatan Kho Cheu Huong menunjukkan bahawa pelajar Cina dan India pelajar keliru membunyikan kata-kata berimbuhan mengikut SBBM. Contoh perkataan :

[pə+ŋu+rus] menjadi [pəŋ + ɻu + rus]  
 [pə+ŋi+kut] menjadi [pəŋ + ɻi + kut]

Berdasarkan aspek pertuturan sebagai alat kajian pula, sejumlah 95.8% pelajar yang gagal menggunakan SBBM dengan betul. Kelemahan nyata yang pelajar lakukan ialah menyebut bunyi [θ] bagi suku kata yang berakhir dengan bunyi [a]. Terdapat juga pelajar yang menggugurkan bunyi vokal pada awal suku kata, misalnya :

[θəmaɻ] menjadi [maɻ]  
 [səθoranɻ] menjadi [soranɻ]

Seperti dalam bacaan, bunyi [r] sering digugurkan atau dilenyapkan dalam perkataan, seperti contoh perkataan:

[warna warni] menjadi [wana wani]

Kho Cheu Huong (1990) menyimpulkan bahawa masalah gagal menggunakan SBBM dengan betul oleh para pelajar adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda atau dialek, pengaruh BI, pengaruh pemenggalan bunyi pada imbuhan BM, pengaruh aktiviti dalam kurikulum, dan sikap guru serta pelajar itu sendiri yang sambil lewa

menggunakan SBBM dalam pengajaran dan pemelajaran.

Abdul Hamid Mahmood dan Noor Aina Dani (1994) pernah mengkaji tentang pengaruh bahasa ibunda dalam proses pemelajaran BM di kalangan pelajar Dusun, di Sabah. Dalam pernyataan masalah kajian, mereka memetik pendapat Zainal Abidin Bakar (1990) yang menyatakan penutur BM dari Sabah tidak ada masalah menggunakan SBBM. Mereka memang bertutur dalam SBBM. Tetapi selepas mereka diminta membuat latihan lafaz baku, dakwaan begitu agak meleset. Terdapat semacam kendala bagi mereka menuturkan lafaz baku dengan sempurna (Zainal Abidin Bakar, 1990).

Oleh hal yang demikian, Abdul Hamid dan Noor Aina (1994) merumuskan bahawa bahasa ibunda penutur-penutur Melayu di Sabah menjadi kendala bagi mereka melafazkan BMB dengan sempurna. Mereka hidup dalam persekitaran masyarakat bahasa ibunda sendiri dan menggunakaninya dalam hidup seharian. Ibu bapa yang berpendidikan rendah atau buta huruf germar menggunakan bahasa ibunda dan menjadi model kepada anak-anak mereka. Faktor berkenaan memberikan kesan terhadap pemilihan bahasa seharian pelajar. Di samping itu, kata slanga dan "rock" juga telah menular ke dalam pertuturan mereka.

Seterusnya kedua-dua pengkaji menyimpulkan bahawa di sekolah pula, pelajar sering menuturkan bahasa ibunda dengan guru-guru daripada suku kaum yang sama. Kalaupun pelajar menggunakan BM, bahasanya masih dipengaruhi dialek Sabah. Pelajar Dusun yang bersikap etnosentrik menggunakan BM hanya apabila terdesak, misalnya dalam situasi pemelajaran formal.

Kajian penggunaan SBBM oleh guru-guru sekolah pernah dijalankan oleh S.Nathesan (1995). Beliau telah menjalankan kajian tentang pelaksanaan SBBM di sekolah-sekolah di negeri Sabah. 14 buah sekolah dengan 70 orang responden telah dipilih oleh pengkaji bagi mewakili sekolah-sekolah dan tenaga pengajar negeri Sabah.

Dari segi kekerapan, didapati lebih banyak guru yang mengajar BM menggunakan SBBM dengan kerap dalam pengajaran mereka berbanding dengan guru yang tidak mengajar mata pelajaran BM. Tetapi guru yang menggunakan SBBM sekali-sekala lebih banyak di kalangan guru-guru yang tidak mengajarkan BM, manakala lebih banyak guru BM yang langsung tidak menggunakan SBBM berbanding dengan guru-guru yang tidak mengajarkan BM.

Dari segi keturunan pula, kajian Nathesan menunjukkan bahawa guru-guru berketurunan Melayu tidak menampakkan kecenderungan yang tinggi untuk menggunakan SBBM dengan kerap walaupun mereka penutur jati BM. Daripada 17 orang responden Melayu, hanya sejumlah 58.8% yang berbuat demikian berbanding dengan orang Dusun, kerana 12 orang responden Dusun (75%) kerap menggunakan SBBM dalam pengajaran mereka.

Secara perbandingan, didapati bahawa guru-guru sekolah menengah lebih kerap menggunakan SBBM berbanding dengan guru sekolah rendah dalam pengajaran mereka. Seterusnya, kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan di kalangan guru untuk mengutamakan SBBM dalam situasi formal selain dalam pengajaran seperti dalam mesyuarat tetapi tidak mementingkan SBBM dalam menjalankan gerak kerja kokurikulum.

Dalam kajian S.Nathesan (1995) itu juga dapatan menunjukkan bahawa kekerapan pelajar menggunakan SBBM tidak begitu menggalakkan. Hal ini demikian kerana cuma 14 orang (21.2%) responden sahaja yang menyatakan bahawa pelajar mereka kerap menggunakan SBBM, 48 orang (72.7%) kadang-kadang sahaja, dan 4 orang (6.1%) lagi menyatakan pelajar mereka langsung tidak menggunakan SBBM.

### Kesimpulan

Kajian-kajian yang berkaitan dengan masalah pertuturan, dialek dan sebutan baku yang telah dibincangkan di atas telah dapat membekalkan banyak maklumat kepada pengkaji. Dapatan-dapatan yang memaparkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna BM ketika menguasai SBBM dan punca-punca kegagalan untuk menguasainya akan menjadi landasan dan garis panduan dalam usaha pengkaji menjalankan kajian ini. Penemuan-penemuan berdasarkan kajian-kajian yang telah berhasil, memberikan ruang kepada pengkaji untuk membuktikan adakah perkara yang sama masih berlaku dalam pelaksanaan SBBM di kalangan bakal guru.